

Integriti dari kaca

Oleh **BAHAROM MAHUSIN**

M. M'sia m/s 6 28.10.07

KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan selalu mengingatkan para pegawai kerajaan tentang kisah kesukaran penduduk kampungnya pada tahun 1950-an. Berasal dari Cherok Paloh, kampung tepi laut yang lima puluh tahun lalu terletak dalam daerah Pekan tetapi kini menjadi sebahagian daripada daerah Kuantan, Mohd. Sidek menggunakan analogi Cherok Paloh untuk menggariskan betapa pentingnya sistem penyampaian kerajaan dan kewujudan pentadbiran awam yang mesra rakyat.

Cherok Paloh terletak di kuala Sungai Pahang Tua dengan pantainya yang luas menghadap Laut China Selatan.

Menurut Mohd. Sidek, pada tahun 1950-an apabila penduduk Cherok Paloh ingin membayar cukai tanah, mereka berjalan kaki atau naik basikal. Sebelum dapat sampai ke jalan besar untuk ke Pekan, mereka terpaksa menyeberang sungai dengan perahu.

Sebahagian besar penduduk Cherok Paloh bekerja sebagai petani dan mengusahakan kebun getah, kelapa dan berkebun sayur. Membayar cukai tanah sekali setahun merupakan satu beban berat kepada mereka. Ketika membayar cukai tanah, mereka perlu meninggalkan kerja-kerja menoreh getah. Biasanya mereka menunggu musim tengkujuh. Apabila hari hujan dan mereka tidak dapat menoreh, mereka akan bersiap untuk ke Pekan bagi membayar cukai tanah.

Selepas berjalan kaki, mengayuh basikal, menaiki perahu menyeberang Sungai Pahang Tua, dan kemudian berjalan kaki atau mengayuh basikal ke Pekan yang terletak kira-kira 25 kilometer dari Cherok Paloh, hari telah pun petang. Kata Mohd. Sidek, ketika mereka sampai, pejabat tanah kadangkala telah pun ditutup dan kakitangan di pejabat itu menasihatkan penduduk Cherok Paloh yang hendak membayar cukai tanah supaya datang semula keesokan harinya.

Penduduk Cherok Paloh membazirkan masa sehari suntuk untuk membayar cukai tanah. Jika mereka datang semula keesokan harinya, mereka kena melalui perjalanan yang sama dan mungkin juga diberikan jawapan yang serupa: "Pejabat telah ditutup, sila datang semula esok."

Berdasarkan pengalaman itu, setelah dilantik menjadi Ketua Setiausaha Negara pada 3 September 2006, Mohd. Sidek menekankan pentingnya sistem penyampaian kerajaan dan kualiti perkhidmatan kakitangan awam dipertingkatkan untuk memudahkan kehidupan rakyat dan pelanggan-pelanggannya.

"Apabila saya memulakan tugas sebagai Ketua Setiausaha Negara pada 3 September 2006, saya berharap kisah kesukaran penduduk Cherok Paloh itu tidak akan berlaku lagi," kata Mohd. Sidek dalam satu taklimat kepada pengarang-pengarang akhbar di Putrajaya baru-baru ini.

Malangnya, ujar Mohd. Sidek, cerita kesukaran penduduk Cherok Paloh membayar cukai tanah masih belum berakhir. Ia berlaku lagi pada tahun 2007 ini tetapi dalam bentuk yang lain.

Baru-baru ini, katanya, seorang pegawai kanan kerajaan mengadu bagaimana susahnya dia ingin membayar cukai tanah di Pejabat Tanah Sepang di Selangor.

Pegawai itu tiba pada pukul 11.15 pagi dan menunggu untuk membayar cukainya. Apabila tiba gilirannya tidak

lama kemudian hari telah pun menunjukkan pukul 12 tengah hari. Petugas di kaunter itu memintanya kembali selepas pukul 2 petang.

Apabila insiden itu diadakan kepada Mohd. Sidek, beliau berasa amat marah kerana kejadian tersebut mengingatkannya kepada kesusahan penduduk kampungnya di Cherok Paloh untuk membayar cukai tanah.

"Seseorang kena hubungi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor," kata beliau, "dan minta kaunter di Pejabat Tanah Sepang dibuka pada waktu makan tengah hari."

Tidak lama kemudian Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mengeluarkan arahan kepada semua pejabat daerah dan pejabat tanah di negeri itu supaya membuka kaunter masing-masing pada waktu makan tengah hari.

Bagi Mohd. Sidek, perkhidmatan awam merupakan satu industri perkhidmatan. "Tugas kita ialah memberi perkhidmatan kepada rakyat yang merupakan pelanggan kita."

Sebelum menjadi Ketua Setiausaha Negara, Mohd. Sidek, kini 56 tahun, merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau menghabiskan lebih separuh daripada perkhidmatannya selama 33 tahun sebagai pegawai kerajaan dengan bertugas di luar negara, antaranya di Jepun, Australia dan Amerika Syarikat (AS).

Sekembalinya ke Malaysia dari AS, beliau bertugas sebagai Pengarah yang mengendalikan rundingan perdagangan pelbagai hala Malaysia sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha dan kemudian Ketua Setiausaha Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada Oktober 2004.

Ketika memperkenalkan Mohd. Sidek sebagai Ketua Setiausaha Negara menggantikan Tan Sri Samsudin Osman pada 4 September 2006, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap pengalaman yang ditimba Mohd. Sidek ketika memperkerusi perjumpaan dengan sektor swasta, penglibatan dalam dialog-dialog ekonomi serta dalam penyediaan Perjanjian Perdagangan Bebas dengan negara luar dapat dijadikan panduan dalam tugas dan misinya sebagai Ketua Setiausaha Negara.

Mohd. Sidek percaya bahawa beliau kini memimpin perkhidmatan awam yang berbeza berbanding era sebelumnya. Perkembangan bidang teknologi maklumat, Internet serta harapan baru kedudukan meletakkan perkhidmatan awam dalam kedudukan yang berlainan. Selaku Ketua Setiausaha Negara, beliau perlu menunjukkan dirinya bergerak selari dengan perubahan itu.

Kadangkala beliau membuka e-melnya selepas subuh dan membaca semua e-mel yang dihantar kepadanya. "Saya juga membalas semua e-mel yang dihantar kepada saya dan memanjangkannya kepada para pegawai saya," katanya.

Memandangkan beliau mengetuai perkhidmatan awam yang diharapkan menggalakkan sistem kerajaan elektronik dan pentadbiran *online*, kata Mohd. Sidek, matlamat itu hanya dapat dicapai sekiranya beliau sendiri menunjukkan teladan.

Dalam taklimat di Putrajaya, seorang wartawan veteran, R. Nadeswaran mengadu kepada Mohd. Sidek mengenai masalah yang dihadapinya ketika menguruskan satu hal berkaitan pejabat tanah. Menurut wartawan itu, beliau ada dokumen yang akan menyokong aduannya.

Mohd. Sidek memberitahunya: "Scan (imbas) dokumen



TAN SRI MOHD. SIDEK HASSAN

Elok anda lakukannya (penambahbaikan) kerana saya sentiasa percaya kepada prinsip ganjaran dan hukuman. Saya akan memberi ganjaran, saya akan beri hukuman

— Mohd. Sidek Hassan

itu dan e-melkan kepada saya.”

Kata Nadeswaran: “Saya hendak beri dokumen ber-cetak *hard copy* dengan tangan kepada Tan Sri.”

Jawab Mohd. Sidek: “Saya tidak terima *hard copy*. Saya hanya terima dokumen itu melalui e-mel. E-melkan saja kepada sidek@pmo.gov.my. Saya akan beri perhatian.”

Menurut Ketua Setiausaha Negara, penggunaan e-mel dan menjawab e-mel perlu menjadi budaya para pegawai kanan kerajaan, termasuk Ketua Setiausaha kementerian dan ketua-ketua pengarah. Dan beliau mengharapkan budaya itu akan diperturunkan kepada para pegawai peringkat bawah.

Beliau mahu melihat perubahan yang hendak dibawa dan keghairahannya dikongsi oleh para pegawai kerajaan lain. Beliau ingin mereka bersamanya untuk melahirkan perkhidmatan awam yang memiliki integriti dan mentransformasikannya sehingga ia menjadi ikon kepada pembangunan negara.

Kerenah birokrasi

Mohd. Sidek mengakui dari masa ke masa beliau menemui kelemahan dalam perkhidmatan awam dan mencadangkan penambahbaikan. Ingatannya kepada para pegawai kanan kerajaan: “Elok anda lakukannya (penambahbaikan) kerana saya sentiasa percaya kepada prinsip ganjaran dan hukuman. Saya akan memberi ganjaran, saya akan beri hukuman.”

Kepada beliau, dalam apa jua perubahan yang dilakukan, “kejayaan biasanya bergantung kepada diri seseorang, dan bukan kerana sesuatu jawatan.” Seseorang tidak perlu menunggu menjadi Ketua Setiausaha kementerian sebelum melakukan perubahan.

Mohd. Sidek serius menggunakan kedudukannya untuk menggerakkan usaha penambahbaikan perkhidmatan kerajaan.

Apabila beliau sendiri tidak sedar lesen memandunya tamat tempoh selama setahun kerana tidak dimaklumkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) baru-baru ini, beliau menggerakkan JPJ untuk memaklumkan kepada orang ramai tarikh luput lesen memandu melalui e-mel dan khidmat pesanan ringkas (SMS).

Kepadanya, sistem penyampaian kerajaan perlu dibaiki manakala teknologi maklumat dan komunikasi harus dieksploitasi oleh jabatan dan agensi kerajaan.

Dalam konteks itu, dengan mata bercahaya Mohd. Sidek menceritakan kemajuan yang dicapai oleh Pemudah, iaitu Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan. Pemudah yang mempunyai ahli seramai 23 orang ditubuhkan pada 7 Februari lalu hasil inisiatif Perdana Menteri. Ia dipengerusikan bersama oleh Mohd. Sidek yang mewakili sektor awam.

Kerenah birokrasi menjadi sasaran Pemudah, dan Mohd. Sidek menggunakan Pemudah untuk membaiki apa yang menjadi keprihatinan Perdana Menteri, kerajaan, sektor swasta dan keprihatinan beliau sendiri.

Selepas setahun mengetahui sektor awam Malaysia, Mohd. Sidek yang mendapat pendidikan awal di Pekan dan Kuantan sebelum memperoleh ijazah sarjana muda ekonomi dari Universiti Malaya dan ijazah sarjana pentadbiran perniagaan dari New Hampshire College, AS

menilai media dari sudut pandangan konservatif.

Secara terus terang beliau mengkritik perbuatan setengah media memberikan gambaran negatif tentang negara berdasarkan cara ia memaparkan kes jenayah, rasuah dan kritikan terhadap pentadbiran kerajaan.

Bagi memperjelaskan pemerhatiannya itu, beliau memberikan contoh isu pembayaran lewat kepada pembekal-pembekal dan kontraktor oleh setengah jabatan kerajaan. Semua pembayaran kepada pembekal dan kontraktor perlu dibuat dalam tempoh 30 hari tetapi terdapat setengah jabatan membuat bayaran itu dalam tempoh tiga bulan. Kritikan timbul di halaman-halaman akhbar, dan media, katanya, memperbesar-besarkan isu tersebut.

Apabila timbul rungutan itu, Mohd. Sidek meminta jabatan-jabatan kerajaan membuat pembayaran kepada pembekal dan kontraktor masing-masing dalam tempoh 30 hari, tetapi memandangkan mereka tidak responsif untuk membayar pembekal dalam 30 hari, sebagai hukuman beliau mengarahkan mereka memproses semua bayaran dalam masa 14 hari.

Jumlah pembayaran yang dibuat oleh kerajaan dalam sebulan adalah besar iaitu antara RM4 bilion hingga RM6 bilion. “Pada bulan September lalu kira-kira 96 peratus daripada bayaran itu dibuat dalam tempoh 14 hari dan hanya empat peratus dibuat selepas 14 hari,” katanya.

Dalam kes pegawai kerajaan yang memproses bayaran itu, isunya adalah *mindset* tetapi dalam kes prioriti media, dengan nada berjenaka Mohd. Sidek mengeluh: “Media tidak melaporkan mengenai pencapaian itu.”

“Anda tidak sukakan berita baik. Anda semua sukakan darah,” katanya merujuk kepada kecenderungan sesetengah wartawan melaporkan hal-hal negatif.

Ditanya mengenai tindakan ke atas perjawat awam yang melakukan rasuah atau terlibat dalam salah urus dana awam, misalnya seperti yang ditegur dalam satu laporan audit, Mohd. Sidek menegaskan, beliau memang bertindak ke atas mereka.

Beliau secara terbuka mengakui telah menurunkan pangkat beberapa pegawai JUSA A kepada JUSA B kerana mereka melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan awam. Seorang pegawai wanita dibuaya kerja baru-baru ini, katanya.

Namun, Mohd. Sidek mahu pihak media melihat semua salah laku itu dalam perspektif yang betul dan dengan kesedaran bahawa kerajaan mempunyai 1.2 juta pekerja.

Apabila akhbar-akhbar melaporkan terdapat pegawai kerajaan terlibat dalam satu kegiatan salah laku beberapa minggu lalu, Mohd. Sidek mengakui beliau sendiri memastikan pegawai kerajaan berkenaan didakwa dan tindakan diambil secara pentadbiran.

“Saya harap orang itu akan didapati bersalah. Ya, saya ada perasaan buruk terhadap pegawai itu walaupun saya tidak mengenalinya,” kata beliau. “Saya tidak dapat benarkan orang sepertinya rosakkan imej perkhidmatan awam dan kerajaan.”

Integriti, bagi Mohd. Sidek yang menjalani kehidupan sederhana, adalah prinsip dirinya dan ia tidak boleh dijual beli. “Jika yang melakukan kesalahan itu anak saudara saya sendiri, saya tetap mahu dia dihukum. Saya tidak akan melindunginya.”